

# B40 digalak sertai PEKB bagi meningkatkan pendapatan

BH ONLINE | Isnin, 30 September 2019 | 4:08pm



MENTERI Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir bersama Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin melawat ruang pameran pada majlis perasmian Konvensyen PEKB di Alor Setar, hari ini. - Foto Amran Hamid

ALOR SETAR: Kerajaan menyasarkan lebih ramai golongan B40 di bandar dapat menyertai program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) bagi meningkatkan kualiti hidup mereka seterusnya keluar dari garis kemiskinan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin, berkata sehingga kini lebih 11,000 peserta menyertai program itu di seluruh negara sejak 2013.

"Program ini dahulunya dikenali sebagai Program Azam Bandar yang di jenama semula kerajaan Pakatan Harapan (PH), peserta di bawah program ini adalah golongan B40 yang berdaftar di dalam sistem eKasih.

"Jika mereka berminat untuk menjadi usahawan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melatih mereka mengikuti kursus yang ditetapkan dalam tempoh tertentu," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen PEKB di sini, hari ini.

Konvensyen itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata sebanyak 10 bidang latihan akan ditawarkan di bawah kementeriannya iaitu makanan dan minuman, bakeri, jahitan, salon/spa, perkhidmatan dobi, landskap, kimpalan, asuhan kanak-kanak, peruncitan dan perkhidmatan pembaikan barangan elektrik.

"Program ini tidak hanya tertumpu kepada golongan Bumiputera saja, malahan golongan bukan Bumiputera juga boleh menyertainya. Sehingga kini seramai 10 peratus daripada 11,000 peserta adalah bukan Bumiputera.

"Ada antara peserta sudah berjaya mendapat pendapatan luar biasa, mereka ini asalnya berniaga di tepi jalan dan memberi perkhidmatan dari rumah saja, tetapi berjaya memperoleh jualan hingga ribuan dan puluhan ribu ringgit," katanya.